



**Keadaan banjir kilat** di Jalan Bukit Tengah, Bukit Mertajam yang dinaiki air selepas hujan lebat petang tadi.

# Banjir kilat paling teruk

» **Ramai terkandas selepas hujan berterusan tiga jam**

Oleh **Salman Hamat**  
bhnews@bh.com.my

► **Bukit Mertajam**

**R**atusan pengguna jalan raya terkandas berikutan banjir kilat menenggelamkan jalan dalam kejadian di beberapa kawasan, di sini, semalam.

Antara kawasan terjejas su-

**“Saya terpaksa menunggu hingga air surut sebelum pulang ke rumah di Permatang Pauh”**

**Noriza Abdul Hamid,**  
Kakitangan swasta

sulan hujan lebat berterusan selama tiga jam itu, termasuk Kebun Sireh, Bukit Tengah dan Taman Mutiara, selain di Jalan Tembakai menuju Taman Desa Damai.

Kejadian semalam menyu-

suli banjir kilat yang menjejaskan beberapa kawasan di sekitar Georgetown, 4 Oktober lalu.

Kakitangan swasta, Noriza Abdul Hamid, 49, yang ditemui ketika terkandas di Jalan Tembakai, berkata banjir kilat semalam adalah yang paling teruk melanda kawasan itu selepas bencana sama kira-kira 15 tahun lalu.

## Tak berani redah

“Sejak awal tahun ini, kawasan itu beberapa kali dinaiki air termasuk kejadian terbaharu bulan lalu, namun paras air tidak tinggi dan surut cepat. Tadi (semalam), saya tak berani meredah banjir selepas melihat ada kenderaan dan motosikal terkandas.

“Saya terpaksa menunggu hingga air surut sebelum pulang ke rumah di Permatang Pauh,” katanya yang tidak menolak kemungkinan bencana berkenaan disebabkan kerja pembinaan sebuah jejambat di kawasan itu.

Penunggang motosikal, Lee Yoo Hock, 62, terpaksa menyorong motosikalnya kira-kira 20 meter selepas enjin kenderaan itu tiba-tiba mati ketika meredah banjir untuk pulang ke rumahnya di Taman Sri Rambai, di sini dari tempat kerja di Bandar Perda.

“Saya harungi banjir sejauh 50 meter dengan kedalaman kira-kira setengah meter apabila enjin motosikal tiba-tiba mati,” katanya.